

UMS utamakan keselesaan pelajar di kolej kediaman

NST . 7.3.2014 9

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa komited untuk mengutamakan keselesaan pelajar di kolej kediaman di Kota Kinabalu dan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md Mansur, berkata pihaknya akan memastikan kolej kediaman pelajar berada dalam keadaan selesa dari segi keselamatan, kebersihan dan keceriaan.

Katanya, UMS juga akan berusaha untuk menaiktaraf kemudahan di kolej kediaman selain pembangunan sahsiah dan prasarana.

Beliau menambah UMS akan terus menjaga kebijakan pelajar termasuk mengambil pendekatan lebih proaktif di kolej kediaman yang menjadi rumah kedua bagi pelajar untuk tempoh tiga hingga empat tahun.

" Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS akan terus berusaha memastikan kolej kediaman pelajar berada dalam keadaan selesa, bersih dan ceria," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Serah dan Terima Tugas Pengetua Kolej Kediaman UMSKAL di Bilik Seri Menanti, kelmarin.

Pada majlis itu, mantan Pengetua, Samsul Bahri menyerahkan tugas kepada Pengetua Kolej Kediaman Alpha, Sarwar E-Alam dan Pengetua Kolej Kediaman

Beta dan Mutiara, Nona Masnie Mohd Nistah yang baru diwujudkan tahun ini.

Sarwar akan menjaga kebijakan pelajar lelaki manakala pelajar perempuan dijaga Nona Masnie bagi tempoh setahun akan datang.

Turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali; Timbalannya, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal; Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah dan Ketua Bahagian HEPA UMSKAL, Sharifah Ismail.

Sehubungan itu, Dr Kasim berharap dengan transformasi pelantikan kedua-dua pengetua itu akan menambahbaik urustadbir dan kebijakan di tiga kolej kediaman pelajar UMSKAL.

Sementara itu beliau juga meminta pelajar yang menjadi penghuni kolej kediaman menganggap asrama mereka itu sebagai rumah kedua yang perlu dijaga dari segi kebersihan, keceriaan dan keselamatan.

" Saya meminta pelajar mengutamakan perpaduan dan persefahaman kerana kolej kediaman didiami pelajar dari pelbagai agama dan bangsa," katanya.

Dr Kasim meminta pengetua, felo dan pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar supaya sentiasa memantau dan memberi bimbingan terhadap aktiviti pelajar pada sepanjang tahun. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN**
(jainuddin@newsabahtimes.com.my)



SERAH ... Dr Kasim (empat kanan) menyerahkan watikah pelantikan sebagai Pengetua Kolej Kediaman Beta kepada Nona Masnie diperhatikan Dr Ismail (tiga kanan) dan Sarwar (dua kiri).